

Lebih banyak tol turun

Kosmo 18/2/2011 MS 2.

Oleh NAN HIDAYAT NAN AZMIE
hidayat.azmie@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Mansor membayangkan lebih banyak syarikat konsesi akan mengumumkan pengurangan kadar tol tidak lama lagi.

Beliau memberitahu, langkah ke arah pengurangan kadar tol itu sedang dibincangkan antara Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) dan syarikat-syarikat pemegang konsesi.

“Ada (syarikat konsesi) yang datang untuk bincang (bagi mengurangkan kadar tol).”

“Tapi kita tak boleh umum sekarang sebab peringkat ini macam baru ‘bertunang’, kalau dah jadi ‘kahwin’ baru boleh umum (pengurangan kadar tol),” katanya kepada pemberita semasa melawat Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) di sini semalam.

Beliau mengulas pengu-

dar tol di Plaza Tol Pentaling Jaya Selatan 2 (PJS 2) Lebuh Raya Baru Pantai (NPE) daripada RM1.60 kepada RMI oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam.

Najib pada 28 Januari lalu telah meminta para pemegang konsesi tol mengkaji semula struktur tol bagi konsesi sebagai langkah membantu memakmurkan negara dan mengurangkan bebanan rakyat.

Pada hari yang sama, Perdana Menteri mengumumkan kadar tol bagi Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak dan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) Fasa 1 dikekalkan selama lima tahun.

Selain itu, tempoh konsesi tol di Lebuh Raya Hubungan Timur-Barat yang menghubungkan Persilangan Salak dan Persilangan Taman Connaught, Kuala Lumpur juga dipercepatkan dari tahun 2018 kepada Mei ini yang membawa manfaat kepada pu-

rata 39 juta pengguna setiap hari.

Sementara itu, Shaziman berkata, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab penyelenggaraan Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) di sini mulai 19 Januari lalu memandangkan ia sudah menjadi jalan paling sibuk di negara ini.

Katanya, sewaktu dibuka pada 2002 kadar aliran trafik di situ adalah 70,000 kenderaan sehari sebelum meningkat kepada 200,000 buah sekarang.

“MRR2 dah macam artis, sangat popular kerana ramai sangat lalu di situ sehingga menyebabkan banyak masalah berbangkit, jadi sekarang JKR akan jaga sepenuhnya supaya tidak ada lagi pertindihan tanggungjawab,” katanya.

Katanya, sebelum ini MRR2 di bawah tanggungjawab JKR dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Info Kadar tol lebuh raya

- **LEBUH RAYA UTARA SELATAN (PLUS) E1 & E2**
Kelas 1 - 13.6 sen setiap kilometer
- **LEBUH RAYA PENYURAIAN TRAFIK KL - BARAT (SPRINT)**
Plaza Tol Pantai - RM1.50
Plaza Tol Damansara - RM1
Plaza Tol Bukit Kiara - RM2
- **LEBUH RAYA KUALA LUMPUR-KARAK**
Plaza Tol Bentong - RM3
Plaza Tol Gombak - RM5
- **LEBUH RAYA PANTAI TIMUR FASA 1**
(Plaza Tol Karak ke Plaza Tol Jabor, Terengganu) - RM21
- **LEBUH RAYA KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA**
Plaza Tol Putrajaya - RM2.50
Plaza Tol Salak Selatan - RM1.50
- **LEBUH RAYA DAMANSARA PUCHONG (LDP)** - RM1.60
- **LEBUH RAYA GRAND SAGA**
Plaza Tol Batu 9 - RM1
Plaza Tol Batu 11 - 90 sen
- **LEBUH RAYA SEREMBAN - PORT DICKSON (E29)**
Plaza Tol Mambau - RM3.20

Sumber: www.lmnet.gov.my
dan www.plus.com.my